

**SUMBANGAN INDUSTRI KRAFTANGAN
TERHADAP PEMBANGUNAN KAWASAN
LUAR BANDAR DI SABAH: KAJIAN
KES DI DAERAH KUDAT**



SAIRIL JANIOH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

**SUMBANGAN INDUSTRI KRAFTANGAN
TERHADAP PEMBANGUNAN KAWASAN
LUAR BANDAR DI SABAH: KAJIAN
KES DI DAERAH KUDAT**

SAIRIL JANIOH



UMS

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SUMBANGAN INDUSTRI KRAFTANGAN TERHADAP PEMBANGUNAN KAWASAN LUAR BANDAR DI SABAH: KAJIAN KES DI DAERAH KUDAT**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

Saya **SAIRIL JANIOH**, Sesi Pengajian **2014-2018**, mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tanda (/)



SULIT

TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

SAIRIL JANIOH

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 17 Disember 2018

(Dr. Ubong Imang)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis yang bertajuk Sumbangan Industri Kraftangan Terhadap Pembangunan Kawasan Luar Bandar di Sabah: Kajian Kes di Daerah Kudat ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

28 Februari 2018

.....

Sairil Janioh

MA1411088T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : SAIRIL JANIOH
NO. MATRIK TAJUK : MA1411088T
: SUMBANGAN INDUSTRI KRAFTANGAN TERHADAP PEMBANGUNAN KAWASAN LUAR BANDAR DI SABAH: KAJIAN KES DI DAERAH KUDAT.
IJAZAH : SARJANA SAINS SOSIAL (GEOGRAFI)
TARIKH VIVA : 20 JULAI 2018



DISAHKAN OLEH;
UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA
Dr. Ubong Imang

Tandatangan

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana di atas berkatnya yang tidak terhingga saya dapat menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya dalam kajian ini iaitu Dr. Ubong Imang di atas tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, serta dorongan yang beliau berikan di sepanjang penyediaan penulisan latihan ilmiah ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Sains Sosial dan pensyarah Geografi yang pernah memberikan tunjuk ajar dalam menjalankan kajian sehinggalah tesis saya ini siap. Sesungguhnya tanpa tunjuk ajar kalian, kajian ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penduduk di Kg. Sumangkap dan Kg. Tinangol yang banyak membantu dan meluangkan masa bersama saya untuk memberikan maklumat-maklumat yang saya perlukan bagi menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Pn. Magline Sinun iaitu wakil daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Sabah kerana banyak memberikan maklumat tentang industri kraftangan di Sabah. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada informan utama di dalam kajian ini iaitu En. Mojiki Kunama dan Pn. Katina Bouna yang sudah meluangkan masa untuk memberikan maklumat tentang perusahaan industri kraftangan di Kg. Sumangkap dan Kg. Tinangol. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih juga diberikan kepada sahabat andai dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan bantuan, tunjuk ajar dan dorongan terutamanya saudara Sylvero Patrick dan saudari Flastilah Binti Kurpong yang bersusah payah untuk membantu saya untuk mencerpah data melalui borang soal selidik di kawasan kajian.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang banyak membantu dan memberikan dorongan terutamanya ibu dan bapa, makcik Kasinoh Binggol serta ahli keluarga lain yang telah banyak membantu saya sepanjang kajian ini dijalankan. Sesungguhnya jasa baik kalian akan dikenang sampai bila-bila.

Sairil Janioh

28 Februari 2018

ABSTRAK

Kraftangan menjadi sebuah barangan komersial yang semakin penting dalam sektor pelancongan di Sabah dan kebanyakan pengusahanya adalah tertumpu di kawasan luar Bandar. Justeru itu, sumbangan kraftangan terhadap pembangunan di kawasan luar bandar adalah dianggap sangat penting. Namun demikian, sumbangan kraftangan terhadap pembangunan di kawasan luar bandar cenderung dilihat dari aspek peningkatan ekonomi sahaja. Sedangkan, aspek sosial dan kelestarian di kawasan luar bandar juga perlu diberi perhatian. Justeru, kajian ini dibuat bagi mengenalpasti sumbangan kraf tangan dalam pembangunan di kawasan luar Bandar dari aspek ekonomi, sosial dan juga kelestarian (alam sekitar dan budaya). Pendekatan kuantitatif digunakan dengan mengedarkan set borong soal selidik kepada 98 responden di kawasan kajian iaitu di Kg. Sumangkap sebanyak 22 responden dan Kg. Tinongol sebanyak 6 responden. Pemilihan responden dilakukan secara rawak bertujuan iaitu dengan mengambilkira responden yang aktif dan sudah terlibat selama 5 tahun atau lebih dalam perusahaan kraftangan. Teknik analisis deskriptif seperti min, ferkuensi, dan *crosstab* digunakan di dalam kajian ini. Hasil analisis turut disokong dengan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian dan temu bual dengan informan utama. Hasil kajian mendapati bahawa industri kraftangan mempunyai sumbangan yang signifikan dalam pembangunan di kawasan luar Bandar dalam tiga aspek yang berbeza iaitu ekonomi, sosial dan kelestarian persekitaran. Dalam aspek ekonomi, aktiviti perusahaan kraftangan di kawasan kajian menyebabkan wujudnya peluang pekerjaan dan sumber pendapatan, peluang perniagaan produk kraftangan, menjadi pembekal produk kraftangan dan mewujudkan perkhidmatan seperti pengangkutan dan kawasan pelancongan. Dalam aspek sosial pula, perusahaan kraftangan di kawasan kajian menyebabkan peningkatan taraf hidup penduduk, pembangunan kemudahan dan sokongan kampung, pembangunan insan dan memupuk semangat kemasyarakatan. Sementara dalam aspek kelestarian, perusahaan kraftangan di kawasan luar bandar menggalakkan kelestarian persekitaran alam sekitar dan menjamin kelestarian persekitaran budaya.

ABSTRACT

HANDICRAFT INDUSTRY'S CONTRIBUTION TO THE DEVELOPMENT OF RURAL AREAS IN SABAH: A CASE STUDY IN KUDAT DISTRICT

Handicraft has increasingly become important as commercial product in Sabah's tourism sector whereas most of its entrepreneurs are concentrated in rural areas. Hence, its contribution to rural development should be considered important. However, handicraft contribution to rural development tends to be seen from the aspect of economic growth alone. On the other hand, its contribution to social and sustainability aspects of rural areas should also be taken into account. Thus, this study was conducted to identify the contribution of handicrafts in development of rural areas in terms of economic, social and sustainability (environment and culture). Quantitative approach was use to distributed set of questionnaires to 98 respondents in the study area, which is 22 respondents selected from Kg. Sumangkap and the rest 76 respondents are selected from Kg. Tinangol. Researcher used purposive sampling technique by selecting only an active handicraft's producer and also involved in handicraft production for 5 years long or more. Descriptive analysis techniques such as mean, frequency, and crosstab are used in this study. Analysis results were also supported by qualitative approaches through observation and interviews with key informants. The findings show that the handicraft industry has significant contribution to development in rural areas in three different aspects which is economic, social and environmental sustainability. In the economic aspect, the handicraft business activities in the study area have led to the existence of employment and income opportunities, handicraft products business opportunities, handicraft product supplier and establishing services such as transportation and tourism sector. In the social aspect, handicraft companies in the area of study have also contributed to the improvement of the standard of living of the people, the development of facilities and support of the village, the development of humanity and fostering the spirit of society. While in terms of sustainability, handicraft companies in the rural areas promote the preservation of the environment and ensure the preservation of the cultural environment.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI FOTO	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Tujuan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Carta Alir Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Kesimpulan	9

BAB 2: KRAFTANGAN DAN PEMBANGUNAN KAWASAN LUAR BANDAR

2.1	Pengenalan	10
2.2	Konsep Asas Pembangunan	10
2.3	Definisi Kawasan Luar Bandar	14
2.4	Pembangunan Luar Bandar	16
2.5	Kraftangan dan Pembangunan di Kawasan Luar Bandar	19
2.5.1	Kraftangan dan Pembangunan Kawasan Luar Bandar di Thailand	23
2.5.2	Kraftangan dan Pembangunan Kawasan Luar Bandar di Vietnam	24
2.5.3	Kraftangan dan Pembangunan Kawasan Luar Bandar di Malaysia	26
2.6	Latar Belakang dan Perkembangan Kraftangan di Sabah	29
2.6.1	Perkembangan Industri Kraftangan di Sabah	32
2.6.2	Kraftangan dan Pembangunan Kawasan Luar Bandar di Sabah	35
2.6.3	Kraftangan dalam Sektor Pelancongan di Sabah	37
2.6.4	Program SDSI dalam Industri Kraftangan di Sabah	39
2.7	Latar Belakang Model Baru Pembangunan Kawasan Luar Bandar	40
2.8	Kesimpulan	42

BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Latar Belakang dan Lokasi Kawasan Kajian	45


3.4	Kerangka Konseptual Kajian	46
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	49
3.5.1	Data Primer	50
3.5.2	Data Sekunder	59
3.7	Teknik Analisis Data	60
3.8	Kesimpulan	61
BAB 4: INDUSTRI KRAFTANGAN DAN SUMBANGANNYA KEPADA PEMBANGUNAN DI KAWASAN LUAR BANDAR		
4.1	Pengenalan	62
4.2	Latar Belakang Penglibatan Responden dalam Aktiviti Kraftangan	62
4.2.1	Jenis Kemahiran Kraftangan Responden dan Jenis Aktiviti Kraftangan yang Pernah Diikuti oleh Responden	63
4.2.2	Sumber Modal Permulaan Perusahaan Kraftangan Responden	64
4.2.3	Jenis Perusahaan Kraftangan Responden	65
4.2.4	Kemudahan yang Dimiliki oleh Responden dalam Perusahaan Industri Kraftangan	66
4.2.5	Jenis Produk Kraftangan yang Dihasilkan di Kawasan Kajian	70
4.3	Analisis Hubungan Produk Kraftangan di Kudat dengan Taraf Hidup Penduduk	82
4.4	Sumbangan Industri Kraftangan di Kawasan Luar Bandar	86
4.4.1	Sumbangan Industri Kraftangan dalam Pembangunan Ekonomi di Kawasan Luar Bandar	86
4.4.2	Sumbangan Industri Kraftangan dalam Pembangunan Sosial di Kawasan Luar Bandar	115
4.4.3	Sumbangan Industri Kraftangan dalam Aspek Kelestarian Persekitaran di Kawasan Luar Bandar	120

4.5 Hasil Temu Bual dengan Informan Utama	125
4.6 Tafsiran dan Perbincangan Hasil Kajian	133
4.6.1 Latar Belakang dan Perkembangan Industri Kraftangan di Sabah	134
4.6.2 Hubungan Kraftangan dan Taraf Hidup Pengusaha Kraf di Kawasan Kajian	135
4.6.3 Sumbangan Industri Kraftangan dalam Aspek Ekonomi	136
4.6.4 Sumbangan Industri Kraftangan dalam Aspek Sosial	140
4.6.5 Sumbangan Industri Kraftangan dalam Aspek Kelestarian	142
4.6.6 Hubungan di Antara Hasil Kajian dan Kerangka Konseptual Pembangunan Kawasan Luar Bandar	144
4.7 Kesimpulan	147
BAB 5: CADANGAN DAN PENUTUP	
5.1 Pengenalan	148
5.2 Rumusan Hasil Kajian	148
5.3 Limitasi Kajian	150
5.4 Implikasi Dasar	151
5.5 Sumbangan Kajian	152
5.7 Cadangan Kajian Masa Depan	154
5.8 Kesimpulan	155
RUJUKAN	156
LAMPIRAN	163

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	Jumlah Pengusaha Kraftangan Berdaftar di Sabah	32
Jadual 3.1	Fokus Utama dalam Pembinaan Borang Soal Selidik	51
Jadual 3.2	Senarai Informan Utama di Temu Bual	54
Jadual 4.1	Jenis Produk Kraf Gong Tradisional yang Dihasilkan di Kg. Sumangkap	71
Jadual 4.2	Jenis Produk Kraf Gong Moden yang Dihasilkan di Kg. Sumangkap	73
Jadual 4.3	Jenis Produk Kraf Manik Tradisional yang Dihasilkan di Kg. Tinangol	73
Jadual 5.3	Jenis Produk Kraf Gong Moden yang Dihasilkan di Kg. Sumangkap	75
Jadual 4.4	Jenis Produk Kraf Manik Moden yang Dihasilkan di Kg. Tinangol	78
Jadual 4.5	Komponen Taraf Hidup di Kawasan Kajian yang Mengalami Perubahan	83
Jadual 4.6	Min Anggaran Keuntungan Jualan Kraftangan Sebulan	88
Jadual 4.7	Bilangan Anggaran Produk Kraf Kg. Sumangkap Terjual Sebulan	94
Jadual 4.8	Anggaran Keuntungan Jualan Set Produk Kraftangan Gong Sebulan di Kg. Sumangkap	95
Jadual 4.9	Jenis-jenis Produk Kraftangan yang Pernah Ditempah di Kawasan Kajian	104
Jadual 4.10	Lokasi Atau Jenis Pelanggan yang Pernah Menempah Produk Kraftangan di Kawasan Kajian	105
Jadual 4.11	Statistik Kemasukan Pelancong dalam Negara ke Kg. Sumangkap	111

Jadual 4.12	Statistik Kemasukan Pelancong dari Luar Negara ke Pusat Pembuatan Kraftangan Gong di Kg. Sumangkap	112
Jadual 4.13	Motif Tradisional dalam Kraftangan Manik di Kg. Tinangol	123



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Carta Alir Kajian	6
Rajah 2.1	Aliran Pembangunan Utama	14
Rajah 2.2	Lokasi Utama Pengeluar Kraftangan di Sabah	31
Rajah 2.3	Jumlah Keuntungan Jualan Produk Kraftangan di Sabah Mengikut Tahun	33
Rajah 2.4	Taburan Perbelanjaan Pelancong di Sabah (2004)	38
Rajah 2.5	Jualan Kraftangan Sabah dalam Projek SDSI	39
Rajah 2.6	Bilangan Usahawan dan Tenaga Kerja Kraftangan dalam SDSI di Sabah.	40
Rajah 2.7	Model Baru Pembangunan Kawasan Luar Bandar	41
Rajah 3.1	Kawasan Kajian	46
Rajah 3.2	Kerangka Konseptual Pembangunan Kawasan Luar Bandar di Daerah Kudat	48
Rajah 4.1	Status Pemilikan Perusahaan Kraftangan Responden	66
Rajah 4.2	Pekerjaan Utama Responden di Kg. Sumangkap dan Kg Tinangol	87
Rajah 4.3	Anggaran Jumlah Set Produk Kraf Gong Dhasilkan Sebulan di Kg. Sumangkap	89
Rajah 4.4	Anggaran Jumlah Gong Kulintangan Dhasilkan Sebulan di Kg. Sumangkap	90
Rajah 4.5	Anggaran Jumlah Unit Kraf Gong Cenderamata Dhasilkan Sebulan	91


Rajah 4.6	Anggaran Jumlah Unit Produk Kraf Manik Dihasilkan Sebulan di Kg. Tinangol	92
Rajah 4.7	Anggaran Jumlah Unit Kraftangan Anyaman Benang yang Dihasilkan Sebulan	93
Rajah 4.8	Anggaran Jumlah Unit Produk Kraftangan Manik Pelbagai Jenis Terjual Sebulan	98
Rajah 4.9	Anggaran Keuntungan Jualan Sebulan Kraftangan Manik di Kg. Tinangol	99
Rajah 4.10	Anggaran Jumlah Unit Kraftangan Anyaman Benang Terjual Sebulan di Kg. Tinangol	100
Rajah 4.11	Anggaran Keuntungan Produk Kraftangan Anyaman Benang dalam Tempoh Sebulan di Kg. Tinangol	101
Rajah 4.12	Jenis Pengangkutan yang Responden Gunakan untuk Menjual Produk Kraftangan di Kawasan Kajian	108
Rajah 4.13	Bilangan Responden yang Memahami Bahasa Inggeris di Kawasan Kajian	118



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

		Halaman
Foto 4.1	Peralatan Anyaman Benang	67
Foto 4.2	Kemudahan Bengkel Kg. Sumangkap	68
Foto 4.3	Kemudahan Bengkel Kg. Tinangol	69
Foto 4.4	Produk Kraftangan Anyaman Benang di Kg. Tinangol	81
Foto 4.5	Antara Kemudahan yang Terdapat di Kg. Sumangkap	116
Foto 4.6	Yuran Masuk ke Pusat Kraf Tangan Gong Kg. Sumangkap	121




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AIM	- Amanah Ikhtiar Malaysia
IKS	- Industri Kecil dan Sedarhana
Inkubator	- Usahawan Muda Kraf
INRH	- <i>Indonesia National Report for Habitat</i>
KKIA	- <i>Kota Kinabalu International Airport</i>
KKLW	- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KYS	- Kumpulan Yayasan Sabah
LKM	- Lembaga Kraftangan Malaysia
MKS	- Usahawan Mikro, Kecil dan Sedarhana
NGO	- <i>Non-Government Organization</i>
OVOP	- <i>One Village One Product</i>
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PIPLB	- Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar
PKKM	- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
RMK-4	- Rancangan Malaysia Keempat
RMK-9	- Rancangan Malaysia Kesembilan
SDC	- Sabah Development Corridor
SDSI	- Satu Daerah Satu Industri
SEDCO	- Sabah Economic Development Corporation
SKSI	- Satu Kampung Satu Industri
SKSP	- Satu Kampung Satu Produk
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	- <i>Statistical Package for Social Sciences</i>
STPM	- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
Tekun	- Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga
UMS	- Universiti Malaysia Sabah
UiTM	- Universiti Teknologi Mara
UPSR	- Ujian Penilaian Sekolah Rendah
WIPO	- <i>World Intellectual Property Organization</i>

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
Lampiran A	Borang Soal Selidik	163
Lampiran B	Borang Soal Selidik Kajian Rintis	172
Lampiran C	Soalan Temubual dan Transkrip Temubual dengan Informan Utama	184
Lampiran D	Foto Kajian	191



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kraftangan dapat didefinisikan sebagai sebuah barangan yang dihasilkan dengan menggunakan tangan atau peralatan ringkas yang bersifat tradisional (Szydowski, 2008). Kraftangan telah wujud sejak dahulu lagi di Sabah seiring dengan pengetahuan masyarakat peribumi dalam menggunakan sumber-sumber alam di dalam kehidupan seharian mereka (Shahrudin, 2002). Bagaimanapun, fungsi kraftangan tidak terhad kepada perhiasan sahaja tetapi juga sebagai pakaian, peralatan muzik, tempat menyimpan air, tempat menyimpan buah-buahan dan sayur-sayur serta alat permainan.

Namun kini, penghasilan produk kraftangan lebih kepada penghasilan produk kraftangan komersial yang berpotensi untuk dipasarkan dalam sektor pelancongan. Malah, selaras dengan pembangunan sektor pelancongan di Sabah produk kraftangan juga semakin mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan pelancong (Utusan Borneo, 2017). Bukan itu sahaja, industri kraftangan juga adalah antara penyumbang terbesar dalam ekonomi sektor pelancongan di seluruh Malaysia seperti yang dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Hal ini menyebabkan jumlah penglibatan pengusaha kraftangan di Sabah semakin meningkat daripada hanya sejumlah 376 pengusaha pada tahun 2002 kepada 3960 pengusaha pada tahun 2017 (Shahrudin, 2002; Utusan Borneo, 2017).

Kebanyakan pengusaha kraftangan adalah tertumpu di kawasan luar bandar terutamanya di Daerah Kota Belud dan Kudat (Fabeil, 2013). Ini kerana, industri

kraftangan sesuai dijadikan sebagai ekonomi sokongan kepada sumber ekonomi utama di kawasan luar bandar iaitu sektor pertanian (Nyawo, 2015). Selain itu, kos untuk menghasilkan produk kraftangan juga adalah rendah dan hal ini menggalakkan lagi penduduk di kawasan luar bandar untuk melibatkan diri dalam perusahaan industri kraftangan (Szydowski, 2008). Penglibatan penduduk dalam perusahaan kraftangan menyebabkan sumber ekonomi mereka bertambah dan pendapatan mereka juga meningkat seperti yang dinyatakan oleh Fabeil (2013).

Memandangkan tumpuan para pengusaha kraftangan adalah di kawasan luar bandar maka kerajaan sendiri terus memberi perhatian kepada industri kraftangan melalui Rancangan Malaysia Keempat (RMK-4) dengan menjadikan industri kraftangan sebagai usaha untuk membangun kawasan luar bandar dan mengurangkan kadar kemiskinan. Pendekatan pembangunan kawasan luar bandar melalui industri kraftangan adalah tepat kerana menurut Mustafa (2011) industri kraftangan dapat membantu dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan sumber ekonomi di kawasan luar bandar. Malah, keberkesanan industri kraftangan dalam pembangunan di kawasan luar bandar telah dibuktikan di negara jiran Malaysia seperti Thailand dan Vietnam (Szydowski, 2008; Limikriengkrai, 2010).

Dalam konteks negeri Sabah, industri kraftangan perlu diberi perhatian dalam pembangunan di kawasan luar bandar kerana industri kraftangan di Sabah telah membuka pelbagai peluang kepada penduduk di kawasan luar bandar terutamanya dalam menyediakan peluang pekerjaan dan penjanaaan pendapatan (Fabeil, 2013; Utusan Borneo, 2017). Selain itu, Sabah juga merupakan antara pengeluar utama pelbagai produk kraftangan yang unik dan cantik (Utusan, 2012). Justeru itu, sudah pasti industri kraftangan sabah akan terus berkembang terutamanya dalam pasaran sektor pelancongan di Sabah.

Bukan itu sahaja, Sabah juga merupakan negeri yang paling ramai mempunyai usahawan kraftangan di negara ini seperti yang dinyatakan di akhbar Utusan Borneo (2017) dan kebanyakan mereka adalah tertumpu di kawasan luar bandar. Oleh itu, adalah relevan untuk mengetahui apakah hubungan yang wujud di antara industri

kraftangan dan pembangunan di kawasan luar bandar di Sabah. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Fabeil (2013), industri kraftangan di Sabah mempunyai sumbangan yang signifikan dalam mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar di Kota Belud, Sabah. Hal ini tidak menghairankan kerana menurut Borneo Post (2015) ada pengusaha kraftangan di Sabah yang mempunyai pendapatan mencecah RM3000 sebulan.

Sehubungan itu, jelaslah bahawa industri kraftangan adalah sangat penting kepada pembangunan di sesebuah negara terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh itu, sumbangan industri kraftangan dalam pembangunan di kawasan luar bandar perlulah dikenalpasti bagi memastikan impak positif daripada kewujudan industri kraftangan di kawasan luar bandar Sabah dapat dimaksimumkan terutamanya dalam pelaksanaan strategi pembangunan di kawasan luar bandar.

1.2 Permasalahan Kajian

Perusahaan kraftangan telah lama dipraktikkan oleh penduduk di kawasan luar bandar Sabah (Shahrudin, 2002). Perusahaan kraftangan biasanya menjadi ekonomi sampingan kepada penduduk di kawasan luar bandar untuk menambah pendapatan mereka dan seterusnya meningkatkan taraf hidup (Limikriengkrai, 2010). Namun baharu ini, perusahaan kraftangan di kawasan luar bandar telah meningkat akibat daripada kesan positif pembangunan sektor pelancongan (Utusan Borneo, 2017). Hal ini menyebabkan semakin banyak penduduk yang melibatkan diri dalam perusahaan industri kraftangan dan ada di antara mereka yang menjadikan perusahaan kraftangan sebagai sumber ekonomi utama mereka (Nguyen *et. al.* 2015).

Justeru itu, industri kraftangan mendapat perhatian dalam pembangunan di kawasan luar bandar melalui dasar-dasar dan program yang diperkenalkan oleh kerajaan. Dalam Rangka Tindakan Pembangunan Koridor Sabah ataupun *Sabah Development Corridor Blueprint* (SDC Blueprint) sendiri turut diketengahkan program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang menggalakan penglibatan penduduk di dalam industri kraftangan di kawasan luar bandar (SDC Blueprint, 2007). Selain itu, kerajaan

juga membina pusat kraftangan yang menelan kos RM30 juta di Keningau, Sabah bagi memastikan penduduk di kawasan luar bandar mencapai taraf pendapatan yang membanggakan dan seterusnya keluar daripada belenggu kemiskinan (Utusan, 2012).

Walau bagaimanapun, industri kraftangan cenderung dilihat sebagai industri penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sahaja tanpa mengambilkira aspek sosial dan kelestarian persekitaran yang merangkumi alam sekitar dan budaya di kawasan luar bandar. Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi sahaja tidak cukup dalam dalam menentukan pembangunan di sesebuah kawasan kerana aspek lain juga penting seperti keadaan fizikal, pemikiran masyarakat yang merangkumi sosial, ekonomi, dan proses institusi ke arah kehidupan yang lebih baik (Todaro, 2011). selain itu, aspek sosial dan kelestarian dari sudut alam sekitar dan budaya juga adalah penting dalam pembangunan di kawasan luar bandar seperti yang dinyatakan di dalam Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) di Malaysia (Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar, 2010).

Selain itu, masih kurang kajian tentang sumbangan industri kraftangan terhadap pembangunan di kawasan luar bandar. Berdasarkan kajian lepas industri kraftangan di Malaysia, kebanyakan kajian tentang industri kraftangan adalah cenderung untuk mengkaji hubungan di antara industri kraftangan dengan ekonomi seperti kajian Fabeil (2013), cabaran kraftangan (Redzuan dan Aref, 2011; Shahrudin, 2002), kraftangan manik (Munan, 2005; Siti dan Humin, 2017), potensi kraftangan (Redzuan dan Aref, 2011) serta corak dan simbol pada kraftangan (Mahfar dan Jusilin, 2017).

Sementara kajian lepas industri kraftangan di luar negara pula lebih cenderung untuk meneliti hubungan di antara industri kraftangan dan ekonomi (Szydlowski, 2008; Nguyen *et. al.* 2015; Nyawo, 2015; Ahmad Bhat dan Yadav, 2016), industri kraftangan dan pelancongan (Mustafa, 2011; Benson, 2014; Nyawo, 2015), jenis produk kraftangan dan kemahiran kraftangan (Bora *et. al.* 2013; Mulford, 2006), isu dan cabaran industri kraftangan (Chudasri *et. al.* 2012; Ghouse, 2012), Pasaran produk kraftangan (Menon, 1999), penglibatan wanita dalam kraftangan (Wilkinson-Weber,

2004; Richard, 2007; Dhamija, 1975), industri kraftangan dan peluang pekerjaan (Ahmad Bhat dan Yadav, 2016) dan industri kraftangan dalam era globalisasi (Kumar Jena, 2010).

Sehubungan dengan itu, keadaan ini menarik minat penyelidik dalam menjalankan penyelidikan bagi mengetahui apakah sumbangan industri kraftangan terhadap pembangunan di kawasan luar bandar dari aspek yang menyeluruh iaitu ekonomi, sosial dan juga kelestarian alam sekitar dan budaya di kawasan luar bandar. Terdapat beberapa persoalan yang akan cuba dijawab melalui penyelidikan ini seperti yang berikut;

- i. Apakah latar belakang pembangunan kraftangan di Sabah?
- ii. Apakah hubungan produk kraftangan dengan taraf hidup penduduk di kawasan kajian?
- iii. Apakah sumbangan industri kraftangan terhadap ekonomi, sosial dan kelestarian alam sekitar dan budaya di kawasan luar bandar?

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan oleh penyelidik adalah untuk mengenalpasti sumbangan industri kraftangan terhadap pembangunan di kawasan luar bandar Sabah.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik di dalam kajian ini adalah seperti yang berikut;

- i. Menenalpasti latar belakang dan perkembangan industri kraftangan di Sabah.
- ii. Menganalisis hubungan produk kraftangan di Kudat dengan taraf hidup penduduk.
- iii. Menilai sumbangan kraftangan terhadap pembangunan kawasan luar bandar dari aspek ekonomi, sosial dan persekitaran di kawasan kajian.